

Please read this Product Disclosure Sheet before applying for this product.

AR-RAHNU MICRO FINANCING

1) What is Ar-Rahnu Micro Financing?

Ar-Rahnu Micro Financing is a scheme which provides a short-term secured financing facility using gold items as collateral. The value of the collateral is measured to calculate the financing amount.

2) What products are offered under Ar-Rahnu Micro Financing?

Ar-Rahnu Micro Financing offers two products;

- i) *Az-Zahab* - which caters to customers who has an account with BIBD and uses Gold as collateral
- ii) *Al-Jauhar* - which caters to customers who assigns their salary to BIBD and uses Gold and precious stones as collateral with monthly deduction of safekeeping fees

3) What is the Shariah principle and structure for this product?

Ar-Rahnu Micro Financing is based on the principle of *Ar-Rahnu*, also known as pawn, refers to the mechanism whereby an item of value is pledged as a security for cash financing. *Ar-Rahnu* together with other *mualamat* principles create the Shariah based pawn broking which include;

- *Al-Qardhul Hasan*, the financing agreement, whereby BIBD grants financing to the customer who is only required to pay the amount borrowed with some token of appreciation
- *Al-Wadi'ah Yad Dhaman*, safekeeping with guarantee, is an agreement between the customer and BIBD, whereby BIBD accepts custody of the gold and ensures the safekeeping of the gold which guarantees the gold against loss, damage, theft and the like

4) What security/ collateral do I have to provide?

The collateral provided must be in the form of clean gold or jewelry in good condition. For the *Al-Jauhar* product, a fixed monthly income such as salary or pension shall be assigned to the Bank as security/ collateral.

5) What is the financing entitlement for these products?

The *Ar-Rahnu* Micro Financing entitlement is calculated according to the following;

- For the *Az-Zahab* product, up to 70% of the gold price valuation can be financed with a daily limit of between BND 100.00 to BND 7,000.00
- For the *Al-Jauhar* product, up to 80% of the gold price valuation can be financed with a daily limit of between BND 300.00 to BND 8,000.00

The final entitlement shall be subject to the Bank's credit policies and overall assessment.

6) What is the maximum tenure?

The tenure for the *Az-Zahab* product is up to 6 months, whereas the *Al-Jauhar* product tenure is up to 12 months.

7) Who can apply?

Customers who wish to apply for the Personal Financing must meet the following criteria:

- Brunei Citizen/ Permanent Residents
- 18 years of age and above
- Receives a fixed monthly income through salary or pension (applicable for *Al-Jauhar* product only)
- Employed with Brunei Government, Semi-Government or Private Companies recognised by the Bank (applicable for *Al-Jauhar* product only)

8) How do I apply?

Please visit our Personal Bankers at the *Ar-Rahnu* branches located at the Bandar or Serusop branch to submit the required documents and complete the *Ar-Rahnu* Financing Form.

9) What documents do I need to submit?

The documents required for an *Ar-Rahnu* Micro Financing are as follows:

- Original copy of Identification Card
- Original copy of Latest Salary Slip (applicable for *Al-Jauhar* product only)
- Marriage/ Annulments/ Divorce/ Death Certificate (where applicable)
- Consent Letter from Collateral Owner (where applicable)

10) What is the safekeeping fee?

The safekeeping fee is BND 0.70 per BND 100.00 of the gold value per month.

11) What are the fees and charges I have to pay?

The applicable fees and charges are as per BIBD's prevailing Schedule of Tariffs, which is published on our website.

12) When do I start paying the monthly payments?

The monthly payments shall be deducted from your account with BIBD (applicable for *Al-Jauhar* product only) and can be made over the *Ar-Rahnu* counters (applicable for *Az-Zahab* product only) one day after the financing has been disbursed.

13) Can I re-finance my Ar-Rahnu Micro Financing?

The existing *Ar-Rahnu* Micro Financing may be re-financed using the same collateral that was pledged, subject to the Bank's credit policies and overall assessment.

14) Can I settle my financing ahead of schedule?

Early settlement of the financing, which includes full settlement of the outstanding financing and the safekeeping fees, can be done at any time prior to maturity date.

15) What is my entitlement?

Value of Gold	BND		Safekeeping Fee	BND	
Financing Amount	BND		Tenure	MTHS	

16) Where can I get further information?

Our Contact Centre is available 24 hours a day, 7 days a week at +673 2238181.

Please also visit us at our website at www.bibd.com.bn, or our *Ar-Rahnu* Branches:

- Serusop Branch located at 1st Floor, Block A, Hassanin Complex, Spg 42, Kg Delima Satu, Jalan Muara, Bandar Seri Begawan, BB2313
- Seria Branch located at 1st floor, No.21, Jalan Sultan Omar Ali, Seria, KB1190

IMPORTANT NOTE: The entitlement provided in this Product Disclosure Sheet is **INDICATIVE** based on current guidelines subject to changes upon final approval of the financing and is valid at the time it is provided to you.

Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum memohon produk ini.

PEMBIAYAAN MIKRO AR-RAHNU

1) *Apakah dia Pembiayaan Mikro Ar-Rahnu?*

Pembiayaan Mikro Ar-Rahnu adalah skim yang menyediakan kemudahan pembiayaan bercagar jangka pendek menggunakan barang-barang emas sebagai cagaran. Nilai cagaran adalah diukur untuk mengira jumlah pembiayaan.

2) *Apakah produk yang ditawarkan di bawah Pembiayaan Mikro Ar-Rahnu?*

Pembiayaan Mikro Ar-Rahnu menawarkan dua produk;

- i) Az-Zahab - bagi keperluan pelanggan yang mempunyai akaun dengan BIBD dan menggunakan Emas sebagai cagaran
- ii) Al-Jauhar - bagi keperluan pelanggan yang mengatitkan gaji mereka ke BIBD dan menggunakan Emas dan batu berharga sebagai cagaran dengan potongan bulanan bagi membayar yuran simpanan

3) *Apakah prinsip dan struktur Syariah bagi produk ini?*

Pembiayaan Mikro Ar-Rahnu adalah berdasarkan kepada prinsip Ar-Rahnu, juga dikenali sebagai pajak gadai, merujuk kepada mekanisma di mana nilai barang disandarkan sebagai cagaran bagi pembiayaan tunai. Ar-Rahnu bersama-sama dengan prinsip muamalat yang lain mewujudkan pajak gadai berasaskan Syariah yang mana termasuk;

- Al-Qardhul Hasan, perjanjian pembiayaan, di mana BIBD memberikan pembiayaan kepada pelanggan yang hanya perlu membayar jumlah yang dipinjam dengan beberapa tanda penghargaannya
- Al-Wadi'ah Yad Dhaman, disimpan dengan jaminan, ialah perjanjian antara pelanggan dan BIBD, di mana BIBD menerima penjagaan emas dan memastikan emas disimpan dengan selamat yang mana menjamin emas daripada kehilangan, kerosakan, kecurian dan sebagainya

4) *Apakah jaminan / kolateral yang perlu saya berikan?*

Kolateral yang diberikan mestilah dalam bentuk emas bersih atau barang kemas yang dalam keadaan baik. Bagi produk Al-Jauhar, pendapatan bulanan tetap seperti gaji atau pencen akan diatitkan kepada Bank sebagai jaminan / kolateral.

5) *Apakah kelayakan pembiayaan untuk produk-produk ini?*

Kelayakan Pembiayaan Mikro Ar-Rahnu adalah dikira berdasarkan perkara berikut;

- Untuk produk Az-Zahab, sehingga 70% daripada penilaian harga emas boleh dibiayai dengan had harian antara BND100.00 kepada BND 7,000.00
- Untuk produk Al-Jauhar, sehingga 80% daripada penilaian harga emas boleh dibiayai dengan had harian antara BND 300.00 BND kepada BND 8,000.00

Kelayakan akhir adalah tertakluk kepada polisi kredit dan penilaian keseluruhan Bank.

6) *Apakah tempoh maksimum?*

Tempoh untuk produk Az-Zahab adalah sehingga 6 bulan, manakala tempoh produk Al-Jauhar adalah sehingga 12 bulan.

7) *Siapakah yang boleh memohon?*

Pelanggan yang ingin memohon Pembiayaan Peribadi mestilah memenuhi kriteria berikut:

- Warganegara / Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam
- Berumur 18 tahun dan ke atas
- Menerima pendapatan tetap melalui gaji atau pencen (untuk produk *Al-Jauhar* sahaja)
- Berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Separa Kerajaan atau Syarikat-Syarikat Swasta yang diiktiraf oleh Bank (untuk produk *Al-Jauhar* sahaja)

8) *Bagaimanakah cara saya untuk memohon?*

Sila kunjungi Pegawai Bank Peribadi kami di cawangan-cawangan Ar-Rahnu yang terletak di cawangan Serusop atau Seria untuk menghadapkan dokumen-dokumen yang diperlukan dan melengkapkan Borang Pembiayaan Ar-Rahnu.

9) *Apakah dokumen-dokumen yang perlu saya hadapkan?*

Dokumen-dokumen yang diperlukan bagi Pembiayaan Mikro *Ar-Rahnu* adalah seperti berikut:

- Salinan asal Kad Pengenalan
- Salinan asal Slip Gaji Terkini (untuk produk Al-Jauhar sahaja)
- Sijil Perkahwinan / Pembatalan / Cerai / Mati (jika berkenaan)
- Surat Kebenaran daripada Pemilik Kolateral (jika berkenaan)

10) *Apakah yuran penyimpanan?*

Yuran penyimpanan adalah BND 0.70 bagi setiap BND 100.00 nilai emas setiap bulan.

**11) Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?**

Yuran dan caj yang dikenakan adalah seperti di dalam Jadual Tarif semasa BIBD, yang diterbitkan di laman web kami.

12) Bilakah saya mula membuat bayaran bulanan?

Bayaran bulanan akan dipotong dari akaun awda di BIBD (untuk produk Al-Jauhar sahaja) dan boleh dibuat melalui kaunter-kaunter Ar-Rahnu (untuk produk Az-Zahab sahaja) sehari selepas pembiayaan telah dikeluarkan.

13) Bolehkah saya membiayai semula Pembiayaan Mikro Ar-Rahnu saya?

Pembiayaan Mikro Ar-Rahnu yang sedia ada boleh dibiayai semula menggunakan kolateral yang sama yang telah dicagarkan, tertakluk kepada polisi kredit dan penilaian keseluruhan Bank.

14) Bolehkah saya melunaskan pembiayaan saya lebih awal daripada jadual?

Pelunasan awal pembiayaan, yang mana termasuk penyelesaian penuh pembiayaan tertunggak dan yuran penyimpanan, boleh dilakukan pada bila-bila masa sebelum tarikh matang.

15) Berapakah jumlah yang saya layak?

Nilai Emas	BND		Yuran Simpanan	BND	
Jumlah Pembiayaan	BND		Tempoh	BULAN	

16) Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Pusat Perhubungan kami tersedia 24 jam sehari, 7 hari seminggu di talian +673 2238181.

Sila juga kunjungi laman web kami di www.bibd.com.bn, atau Cawangan-Cawangan Ar-Rahnu kami:

- Cawangan Serusop terletak di Tingkat 1, Blok A, Kompleks Hassanin, Spg 42, Kg Delima Satu, Jalan Muara, BB2313
- Cawangan Seria terletak di Tingkat 1, No.21, Jalan Sultan Omar Ali, Seria, KB1190

NOTA PENTING: Kelayakan yang disediakan di dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah **INDIKATIF** berdasarkan garis panduan semasa dan sah pada masa ia diberikan kepada awda. Tertakluk kepada perubahan pada kelulusan muktamad pembiayaan.